

Oleh MUHAMMAD HAZARUL
HADI TWOSIMAN
pengarang@utusan.com.my

APABILA kita reda dengan ketentuan Tuhan, biarpun menyebabkan kekecewaan di dalam hati, namun berkat kesabaran, Dia pasti menggantikan kekecewaan itu dengan sesuatu yang tidak dijangka.

Begitulah kelebihan yang Tuhan berikan kepada seorang anak muda yang baru menjangkau usia 23 tahun pada tahun ini.

Hampir sahaja melupakan hasrat bergelar seorang guru, Mohd. Ikhmal Mohamed Zahadi terpaksa menangguhkan pengajian selama tiga semester selepas pihak Hospital Serdang mengesahkan beliau menghidap penyakit

Nefrologi Diagnos atau buah pinggang kronik.

Ketika ditanya bagaimana penyakit itu boleh

Sakit tidak halang ke kuliah

menyerangnya, anak muda ini hampir menitiskan air mata mengenangkan hari-hari yang dilaluinya itu. Kehidupannya berubah 360 darjah mulai tarikh keputusan ujian darah diterimanya pada 14 November 2016.


Berasal dari Felda Piol, Jerantut, Pahang, beliau hanya mendapat tahu berkenaan penyakitnya selepas melakukan pemeriksaan kesihatan yang wajib dilakukan oleh semua penuntut universiti awam di Pusat Kesihatan Universiti (PKU), UPM ketika semester pertama pengajian.

"Hati mana tidak runtun. Saya hanya datang untuk pemeriksaan biasa seperti rakan-rakan yang lain, tetapi doktor mengarahkan saya dirujuk ke hospital kerana bacaan darah yang tinggi.

"Selepas menerima keputusan darah, doktor mengesahkan berlaku pengecutan pada buah pinggang dan saya terpaksa menjalani rawatan dialisis," katanya kepada *Mega Kampus*.

Menyedari kekurangan yang dihadapi, anak kepada seorang pengait kelapa sawit yang lebih

MOHD. IKHMAL MOHAMED ZAHADI bersama ibunya, Faridah Maaf.



dikenali dengan nama Ikhmal itu bangkit untuk meneruskan pengajian dalam jurusan Bahasa dan Linguistik Melayu yang tertangguh di universiti.

Ternyata, di sebalik keperitan yang ditanggungnya,

pelajar dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi itu cemerlang sepanjang dua semester selepas kembali menyambung pengajian apabila mencatatkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), 3.70.



KAWAN-KAWAN menjadi penguat semangat kepada Mohd. Ikhmal Mohamed Zahadi (tengah) untuk terus menyambung pengajian.



Bukan hanya fokus belajar

SIAPA sangka, dalam pada Mohd. Ikhmal Mohamed Zahadi menjalankan rawatan dialisis, pemuda ini aktif mengikuti aktiviti kolej.

Terbaru, Mohd. Ikhmal dilantik menjadi ahli jawatankuasa bagi program Senior Junior Day (Sejunday) anjuran Kolej 15.

Sepanjang program berlangsung, beliau mampu melakukan semua aktiviti dan pergerakannya sentiasa dipantau rakan serta ahli Majlis Tertinggi (MTM) Kolej 15.

Presiden kolej itu, Muhammad Nur Iqbal Mohd. Samsudin berkata, pihak kolej memberi sokongan dan memantau setiap pergerakan Mohd. Ikhmal bagi memastikannya selesa duduk



MOHD. IKHMAL MOHAMED ZAHADI ketika menyertai aktiviti Senior Junior Day (Sejunday) bersama warga Kolej 15, Universiti Putra Malaysia.

di kolej.

"Pihak kolej juga sebulat suara bersetuju menyediakan bilik khas di aras paling bawah untuknya, memandangkan

Mohd. Ikhmal mudah letih untuk naik tangga setiap hari.

"Kami faham keadaan serta kepayahan yang dihadapi dan turut mengumpul derma dari

warga kolej dan UPM pada awal penyakit itu menyerangnya," ujarnya.

Muhammad Iqbal merupakan rakan sekelas Mohd. Ikhmal pada semester satu sebelum Mohd. Ikhmal mengambil keputusan untuk menangguhkan pengajian.

"Dia merupakan seorang pelajar yang aktif semasa di kelas dan kolej. Banyak aktiviti disertainya seperti program anak angkat di Johor dan program anjuran kolej yang lain."

"Mohd. Ikhmal juga merupakan salah seorang calon MTM yang dicadangkan untuk menyandang jawatan itu pada semester ketiga pengajian. Namun, kesihatannya menghalang," tambahnya.

Masih menanti penderma buah pinggang

SENYUM yang sentiasa terukir di bibir tidak menunjukkan dia sudah pulih bagi menjalani kehidupan seperti biasa. Pada waktu sekarang, anak muda ini masih menantikan penderma buah pinggang yang sesuai.

"Sehingga kini, masih belum ada penderma yang sesuai. Jadi, saya masih menanti. Insya Allah..., saya percaya satu hari nanti akan ada insan yang sudi mendermakan buah pinggangnya kepada saya," kata Mohd. Ikhmal Mohamed Zahadi.

Dalam pada itu, beliau turut berdepan masalah kos rawatan bulanan yang tinggi.

Justeru, katanya, beliau masih memerlukan bantuan daripada pihak yang bermurah hati.

"Dengan kos rawatan RM2,650 sebulan, bantuan yang diterima sebanyak RM300 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak cukup untuk menampung keperluan ubat dan rawatan.

"Saya harap ada pihak sudi menghulurkan bantuan bagi mengurangkan beban keluarga yang terpaksa menanggung perbelanjaan perubatan dan kuliah saya di UPM," ujarnya.

Beliau bersyukur walaupun dalam keadaan sakit dan bergantung kepada ubat sepenuhnya, beliau masih kuat untuk menjalankan aktiviti harian.

Pihak yang ingin memberikan sumbangan, boleh berhubung terus dengan Mohd. Ikhmal di talian 011-21978955.